



Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia

## **SOALAN LAZIM (FAQ) BERKAITAN PERMOHONAN SIJIL PERAKUAN PENGAMBARAN FILEM KHAS (SPP KHAS) PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA**

### **1. Apakah yang dimaksudkan dengan Sijil Perakuan Penggambaran Filem Khas (SPP Khas)?**

Sijil Perakuan Penggambaran Filem Khas (SPP Khas) adalah satu sijil perakuan yang dikeluarkan oleh FINAS bagi membenarkan pihak produksi menjalani penggambaran dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula dari 9 Februari 2021 sepanjang tempoh PKP.

### **2. Bagaimana cara untuk memohon SPP Khas?**

Pemohon boleh terus memuat turun borang dan tatacara di Laman Web FINAS di [www.finas.my](http://www.finas.my).

### **3. Apakah syarat utama SPP Khas?**

- i. Tenaga kerja produksi yang terlibat dalam penggambaran WAJIB menjalani ujian Covid-19. Keputusan tersebut hendaklah dibawa semasa permohonan.
- ii. Jika penggambaran tersebut menggunakan khidmat tenaga kerja asing perlulah menyertakan salinan surat sokongan kemasukan Pekerja Filem Asing (PFA) dan dokumen kelulusan daripada Jabatan Imigresen / work permit.
- iii. Menyatakan jadual dan lokasi penggambaran secara terperinci dan sertakan nombor telefon Pengurus Produksi (PM) dalam borang permohonan. Sila maklumkan kepada FINAS jika perubahan lokasi penggambaran, artis, tenaga kerja dan judul filem (sila pastikan penggambaran dijalankan mengikut jadual yang telah ditetapkan).
- iv. Sinopsis penggambaran.

### **4. Bila pemohon boleh mula memohon SPP Khas?**

Pemohon boleh terus memohon pada bila-bila masa sebelum penggambaran dijalankan setelah lengkap borang permohonan beserta keputusan Ujian Saringan Covid-19.

### **5. Berapakah bayaran SPP Khas ini?**

Bayaran Sijil Perakuan Penggambaran Filem Khas (SPP Khas) sebanyak Lima Puluh Ringgit Malaysia Sahaja (RM50.00) boleh dibuat secara online.

**6. Apakah kesan jika pemohon tidak mematuhi syarat-syarat SPP Khas ini?**

Syarikat produksi yang tidak mematuhi syarat-syarat Sijil Perakuan Penggambaran Filem Khas (SPP Khas) atau melanggar SOP yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), Perbadanan berhak memberhentikan sesi penggambaran yang sedang dijalankan **SERTA MERTA** seterusnya **MEMBATALKAN** SPP Khas tersebut.

**7. Apakah yang dimaksudkan dengan penggambaran di dalam studio adakah boleh kami menjalankan penggambaran di dalam rumah/dewan/hotel/pejabat?**

**Boleh**, penggambaran di dalam studio adalah penggambaran yang di lakukan di dalam bangunan atau premis yang tertutup. Berdasarkan tafsiran kamus dewan edisi keempat mentakrifkan studio sebagai bangunan yang digunakan oleh sesebuah syarikat penerbitan sebagai tempat pembuatan filem.

**Catatan:**

**1) Adalah menjadi tanggungjawab bersama semua pihak untuk memahami dan mematuhi semua arahan semasa pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan juga SOP Pencegahan COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk bersama-sama mengurangkan risiko serta membendung penularan pandemik COVID-19 ini.**

**2) Sebarang perubahan terkini sejajar dengan arahan terbaharu pihak MKN dan KKM akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.**

**3) Soalan Lazim (FAQ) ini hendaklah dibaca bersama Soalan Lazim (FAQ) aktiviti penggambaran berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM)**